

Seramai 205 pegawai Home Team menerima biasiswa, tajaan dan anugerah pendidikan daripada Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA). Majlis penyampaian yang berlangsung pada 7 Ogos itu turut dihadiri Menteri Kedua bagi Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara, Encik Desmond Choo. **NUR FATHIN AWALLUDIN** (nfathin@sph.com.sg) menemu bual seorang penerima biasiswa sarjana muda MHA dan seorang penerima tajaan sarjana muda MHA.

Biasiswa, tajaan pendidikan MHA perkasa masa depan

Staf Sarjan Kanan mahu main peranan basmi masalah dadah

MEMBASMI masalah dadah terutama di kalangan masyarakat Melayu merupakan matlamat Staf Sarjan Kanan (SSSgt) Nurfarhanah Osman.

Itu merupakan cita-cita besar bagi wanita muda bertubuh kecil ini.

Usianya yang baru 24 tahun juga bukan penghalang baginya menjalankan amanah yang diserahkan kepadanya itu.

Berkongsi pengalaman sepanjang empat tahun bertugas sebagai sebahagian daripada divisyen penguatkuasaan Biro Narkotik Pusat (CNB), SSSgt Nurfarhanah berkata antara tanggungjawab yang digalas beliau adalah menjalankan operasi serbuan di samping memberi pendidikan pencegahan dadah di kalangan murid sekolah.

Namun, selama tiga tahun bermula September ini, tugas tersebut perlu ditangguhkan seketika.

Ini kerana beliau akan memulakan pengajian sepenuh masa di peringkat sarjana muda dalam jurusan penjenayahan dan keselamatan bersama Universiti Liverpool di Institut Teknologi Singapura (SIT).

Sebagai penerima Biasiswa Program

Sarjana Muda Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA), kos pengajiannya itu bakal ditanggung penuh majikannya.

“Semestinya saya gembira menerima biasiswa ini,” ujar beliau.

Menurutnya lagi, jurusan tersebut menjadi pilihan hatinya kerana ia merangkumi modul yang mengajar cara memahami pemikiran masyarakat terhadap pihak berkuasa.

“Pada saya itu sangat bermanfaat kerana ia membantu saya memahami tindak balas orang ramai terhadap sesetengah perkara.

“Masalah dadah memang satu isu yang masih wujud terutama di kalangan masyarakat Melayu.

“Malah hari ini kita lihat semakin ramai anak muda turut terjebak kerana pengaruh budaya Barat serta perkembangan di sana,” katanya.

“Oleh itu saya mahu lakukan apa yang boleh untuk mencegah ini,” tambahnya tegas.

Tahun ini, seramai 52 pegawai diberi biasiswa tersebut.

Sejurus selesai pengajian mereka itu nanti, pegawai akan dipertimbang untuk dilantik ke pangkat ‘Inspektor’.



MANFAAT SOKONGAN: Bagi SSSgt Nurfarhanah dan WO1 Nurhisyamuddin, biasiswa dan tajaan pendidikan yang diterima mereka akan membantu mereka meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran sepanjang berkhidmat dengan majikan masing-masing. – Foto KHALID BABA

“Pada saya itu sangat bermanfaat kerana ia membantu saya memahami tindak balas orang ramai terhadap sesetengah perkara... Oleh itu saya mahu lakukan apa yang boleh untuk mencegah ini.”

– Staf Sarjan Kanan Nurfarhanah Osman.

“Pada mulanya memang payah. Anak saya tanya kenapa saya tidak meluangkan masa untuk bermain dengannya, tidak membantu dengan tugas sekolahnya kerana saya akan gunakan waktu di rumah dan hujung minggu untuk belajar. Tapi itulah hakikatnya, kita perlu pandai uruskan masa.”

– Pegawai Waran Pertama (WO1) Nurhisyamuddin Hatbar.